

29/07/1997

Tiada hasrat perkecil syariah: Anwar

PUCHONG, Isnin - Kerajaan bukan menentang atau memperkecilkan syariah apabila mengingatkan pihak berkuasa agama supaya mengamalkan prinsip kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam melaksanakan hukum itu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, saranan itu dibuat dengan mengambil kira kehendak Islam sebagaimana digariskan oleh beberapa ulama besar.

Antara lain, kata Timbalan Perdana Menteri, ulama menggariskan pelaksanaan hukum syariah mesti mengikut peringkat keutamaan tertentu dengan mementingkan keselamatan dan kestabilan negara terlebih dahulu.

"Oleh itu, janganlah kita dianggap menentang syariah dan tidak bersetuju dengan syariah padahal semua urutan keutamaan (ke arah pelaksanaan hukum syariah) yang disebut oleh ulama, telah cuba diselesaikan.

"Nasihat dan teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai perlunya kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam melaksanakan hukum dan undang-undang adalah wajar.

"Bukan maksud Dr Mahathir atau saya atau kawan-kawan lain meremeh dan memperkecilkan soal hukum agama dan syariah. Kita juga tidak mahu anak-anak kita sampai keliru hingga haru-biru dan hilang moral dan pegangan akidah," katanya.

Beliau menjelaskan demikian di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya di sini, hari ini. Beliau turut merasmikan bangunan sekolah itu dan melancarkan hompej sekolah berkenaan. Hadir sama ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menekankan soal ini sewaktu merasmikan Sesi Dialog Ketiga Belanjawan 1998 di Shah Alam pagi ini.

Menurutnya, beliau memilih untuk membicarakan isu pelaksanaan dan penguatkuasaan hukum syariah dalam lawatan seharusnya ke Selangor hari ini kerana isu itu sensitif di negeri ini.

Antara isu yang pernah hangat di Selangor ialah pengharaman konsert Michael Jackson dan juga KRU. Yang terbaru ialah kes penangkapan dan pendakwaan tiga gadis Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai negara pelbagai kaum dan agama, kebijaksanaan serta kepekaan lebih tinggi perlu ada untuk menangani isu sosial dan pelaksanaan hukum agama.

"Malaysia menjadi model dan disegani serta dicontohi sebagai negara Islam kerana mengamalkan kesederhanaan dalam penerapan nilai-nilai Islam. Janganlah kita gopoh dan mengubah imej baik ini," katanya sambil berharap pemimpin Umno di pelbagai peringkat dapat memberikan penjelasan mengenai kedudukan sebenar berhubung perkara itu.

Anwar berkata, beliau sedar kadang-kala ada pihak tertentu menyindir kononnya pucuk pimpinan negara tidak tahu menahu mengenai hukum syariah apabila menyarankan supaya mengamalkan kesederhanaan dalam pelaksanaannya. Malah, ada juga pihak berpendapat bahawa tidak boleh ada kesederhanaan di dalam agama.

Sebelum itu, ketika berucap pada dialog belanjawan di Shah Alam, Anwar berkata pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini mestilah adil dan tidak membezakan antara mereka yang mempunyai kedudukan dengan golongan berpendapatan rendah.

(END)

